

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

ISNIN, 7 FEBRUARI, 1983

Malaysia negara industri: Bukan hanya satu mimpi siang hari

RENCANA PENGARANG

UCAPAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir di Sungai Petani hari Khamis kelmarin bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara pembekal barang-barang perkilangan, malah mungkin mengeksport barang-barang itu ke negara-negara maju setelah ia mempunyai kemampuan teknologi pada lahirnya, kelihatan satu cita-cita yang tinggi yang pada setengah orang mungkin tidak akan tercapai oleh kita bila-bila masa sekalipun.

Tetapi memang wajar untuk kita bercita-cita tinggi kalau kita ingin mendorong diri kita untuk maju lagi setapak demi setapak ke hadapan kalau kita tidak mahu diri kita beku dan kaku terhenti sentiasa pada tahap hidup yang sama sepanjang hayat kita.

Perubahan dan kemajuan adalah hukum alam. Tanpa mencipta perubahan dan mengejar kemajuan, manusia akan terus hidup dalam gua batu sepanjang sejarahnya.

Matlamat akan menjadikan negara kita sebuah negara industri, sebenarnya bukanlah satu impian siang hari. Keadaan-keadaan un-

tuk menggerakkan negara kita ke arah matlamat itu telah sedia ada: bahan mentah, buruh yang mempunyai kepandaian yang diperlukan untuk menggerakkan peralihan itu, kestabilan politik dan ekonomi, golongan profesional yang cukup.

Apa yang masih kekurangan, dan hal ini yang selalu ditegaskan oleh Perdana Menteri dalam tiap ucapannya, ialah kemahuan dan tekad untuk menggerakkan dan mendorong diri sendiri ke arah cita-cita itu.

Sebuah negara yang merdeka dan berdaulat seperti kita mesti mempunyai matlamat jangka pendek dan jangka masa yang panjang. Ke manakah kita akan menghalakan negara kita dalam masa dekad yang akan datang? Apakah program politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan yang akan kita laksanakan dalam masa sepuluh tahun, malah tiga puluh tahun di hadapan?

Tanpa cita-cita yang jelas dan konkrit, kita akan meraba dalam gelap, tanpa arahan dan pedoman, dan tidak mustahil segala apa yang telah kita perjuangkan dan kita nikmati sekarang akan terlucut

daripada genggamannya di masa hadapan.

Negara harus digerakkan ke hadapan, maju peringkat demi peringkat, melalui perubahan yang direncanakan, kemampuan dan potensi manusia dan alamnya digembeng ke arah perubahan yang ditetapkan.

Negara kita bertolak dari tarafnya sebagai sebuah negara yang telah merdeka dan berdaulat. Setelah merdeka, ke manakah hala kita, ke manakah arah kita?

Adakah kita harus puas dengan keadaan kita sekarang? Perubahan harus datang tetapi kita tidak harus berpeluk tubuh sahaja menunggu ia datang; kita harus merencanakan perubahan itu supaya hanya perubahan yang baik dan bermanfaat kepada negara dan bangsa, yang akan kita jadikan warisan kepada anak cucu kita.

Negara kita kini masih bertaraf negara membangun. Ekonomi kita masih terdedah kepada tekanan-tekanan dan pengaruh di luar kekuasaan kita. Hasil-hasil tanaman kita masih menjadi sumber utama kekayaan kita, dikirim keluar negeri, dengan harga yang selalunya tidak memenuhi nilai yang kita harapkan. Kalau kita ingin mempertingkatkan lagi taraf ekonomi negara, kita harus maju ke hadapan menegakkan asas industri kita.

Di sinilah sahaja kunci kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan. Tidak ada pilihan lain daripada itu. Kita harus menguasai bidang teknologi supaya bahan-bahan alam kita dapat dikilangkan sendiri untuk diperdagangkan di pasaran dunia.

Matlamat ini tidak mustahil tercapai. Kalau kita menoleh ke belakang, tidak sedikit segala apa yang kita nikmati sekarang dan kita anggap sebagai biasa dalam tahun lapan puluhan ini, sebenarnya dianggap perkara yang mustahil tiga puluh tahun yang lalu.

Bahasa Malaysia dikatakan oleh tidak sedikit orang sebagai mustahil diterima dan dilaksanakan sebagai Bahasa Kebangsaan tidak lama dahulu. Bahkan tidak sedikit juga orang yang tidak meyakini kemerdekaan tiga puluh tahun yang lalu.

Tetapi dunia berubah dan manusia harus berubah selaras dengan keperluan hidupnya dan kita sekarang tidak sahaja telah merdeka, tetapi telah mencapai kemajuan yang tidak termimpi oleh kita tiga dekad yang lalu. Kita hendaknya yakin kepada diri sendiri, kepada potensi bangsa dan rakyat kita, kerana tanpa keyakinan kepada diri dan kepada potensi bangsa kita, nasib kita di masa hadapan tidak mungkin terang dan cerah.